

# Perwakilan Umno akur utamakan agenda Melayu

Oleh Rohaniza Idris, Johan Afandi dan Shahrin Osman

---

**K**UALA LUMPUR: Agenda dan perjuangan orang Melayu lebih penting untuk dibincangkan pada Perhimpunan Agung Umno yang akan diadakan minggu depan berbanding kecaman terhadap individu tertentu dan isu remeh-temeh.

Pemimpin Umno setuju dan akur dengan ingatan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak yang meminta perwakilan yang berucap dan berbahas pada perhimpunan itu supaya mengelak membuat kecaman peribadi atau mengaibkan individu tertentu.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata saranan Najib itu kena pada masanya kerana tidak elok dalam budaya Melayu apabila mana-mana individu dikecam secara terbuka.

"Kita percaya bahawa perwakilan yang berbahas mempunyai etika dan sudah tentu mereka akan menumpukan kepada isu berkaitan soal prinsip orang Melayu terutama dari segi politik, ekonomi dan pendidikan," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Konvensyen Umno Johor 2006 yang dirasmikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, di Johor Bahru, semalam.

Kelmarin, di Pekan, Pahang, Najib meminta perwakilan yang berbahas supaya mengelakkan daripada membuat sebarang kecaman peribadi atau mengaibkan individu tertentu.

Muhyiddin berkata, perwakilan Umno sudah matang dan tidak mudah melatah ketika berbahas dengan menggunakan platform Perhimpunan Agung parti itu dengan mengancam individu tertentu.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, Perhimpunan Agung Umno adalah majlis suci yang tidak sepatutnya dicemari dengan kecaman peribadi dan perkara yang mengaibkan individu tertentu sama ada

dalam atau luar parti.

Katanya, nasihat Timbalan Presiden parti juga jelas menyatakan perhimpunan berkenaan perlu digunakan sebaiknya untuk membangkitkan isu dan agenda berkaitan orang Melayu.

Sementara itu, Ketua Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad berkata, Perhimpunan Agung Umno adalah tempat membincangkan cara meningkatkan mutu orang Melayu, bukan medan mengancam dan membuat serangan peribadi.

"Puteri Umno sendiri akan memastikan isu yang dibangkitkan dalam perhimpunan itu nanti lebih fokus dan menyentuh kebajikan dan pendidikan bangsa," katanya.

Sementara itu, kalangan wakil rakyat menerima baik nasihat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang meminta mereka tidak melanggar undang-undang dan peraturan negara, sebaliknya menjalankan tugas secara bertanggungjawab dan amanah.

Beberapa wakil rakyat berpendapat nasihat itu adalah ingatan bagi memastikan kredibiliti mereka dipertahankan dan menghapuskan persepsi salah terhadap tugas wakil rakyat.

Pemangku Pengerusi Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar, berkata peringatan Timbalan Perdana Menteri itu umpama nasihat seorang bapa kepada anaknya yang perlu dipegang semua wakil rakyat.

Katanya, ingatan berkenaan penting bagi memastikan wakil rakyat menunaikan tanggungjawab sebagai penggubal undang-undang dan dasar kerajaan serta berkhidmat untuk rakyat.

Pengerusi Kelab Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) SeMalaysia, badan penyelaras bagi Kelab Adun Barisan Nasional (BN) di semua negeri, Datuk Nadzri Ismail berkata, wakil rakyat perlu menjadi contoh kepada rakyat kerana mereka dipilih rakyat.

Katanya, tugas wakil rakyat ada kala melebihi tugas sebenar, malah terpaksa mengorbankan kepentingan diri demi rakyat.